

PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN
MP 996
1 JAM

NAMA:.....

TINGKATAN:.....



**SMK BANDAR BARU AMPANG,
68000 AMPANG SELANGOR DARUL EHSAN**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN DUA 2012**

**PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN
1 JAM**

JANGAN BUKA BUKU SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- Baca arahan soalan terlebih dahulu **TERUTAMANYA** bahagian **B**
- Setiap soalan mengandungi empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**
- Jawapan bahagian A hendaklah diisikan di dalam borang **OMR** (borang jawapan objektif)
- Pastikan jawapan dilorek menggunakan pensil **2B** sahaja dan tidak bertindih
- Jawapan bahagian B diisikan di dalam buku soalan

BAHAGIAN A	
BAHAGIAN B	
JUMLAH	

Bahagian A

ARAHAN: Tiap-tiap soalan mengandungi empat pilihan jawapan A,B,C & D. pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan

- 1 Antara berikut merupakan kepentingan menghormati pendapat orang lain **kecuali**
- I untuk mewujudkan keharmonian
 - II untuk mengelakkan perselisihan faham
 - III untuk mendapat pujian
 - IV untuk memaksa orang lain menghormati pendapat kita
- A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

- 2 Setiap anggota masyarakat seharusnya
- I saling bertanya khabar
 - II mengambil berat antara satu sama lain
 - III mengunjungi rumah kaum-kaum lain pada waktu perayaan
 - IV membuat hal sendiri tanpa mempedulikan orang lain
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Kamarul tidak membuat bising ketika keluarga Encik Ravi mengadakan upacara keagamaan

- 3 Pernyataan di atas menggambarkan sikap Kamarul yang
- A menghormati cara hidup dan budaya kaum lain
 - B menunjuk-nunjuk kebaikan dirinya
 - C tidak mahu bercampur gaul dengan jirannya
 - D mementingkan diri sendiri

Encik Chong pulang ke kampungnya sempena Tahun Baru Cina. Encik Chong tidak membawa kucingnya pulang ke kampung

- 4 Apakah tindakan yang wajar anda ambil apabila melihat kucing Encik Chong kelaparan?
- A Menendang kucing itu
 - B Membiarkan kucing itu kelaparan
 - C Memberi kucing itu makan
 - D Membuang kucing itu

Jiran anda jatuh sakit

- 5 Antara berikut merupakan tindakan yang wajar anda ambil **kecuali**

- I menziarahi jiran
 - II mendoakan agar jiran lambat sembuh
 - III membuat bising
 - IV mentertawakan jiran
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- Mengetuai misi bantuan mangsa Tsunami di Aceh 2004
- Mengetuai misi bantuan perubatan ke Afghanistan 2002
- Presiden *Malaysian Medical Relief Society* (MERCY Malaysia)

- 6 Pernyataan di atas berkaitan dengan
- A Profesor Di Raja Ungku Aziz
 - B Tan Sri Lee Lam Thye
 - C Datuk Azhar Mansor
 - D Datuk Dr. Jemilah Mahmood

- 7 Tan Sri Lee Lam Thye merupakan
- I Ahli Jawatankuasa Majlis Perpaduan Negara
 - II Pengasas Tabung Haji
 - III Pengasas Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
 - IV Ahli Jawatankuasa Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Kebangsaan
- A I dan II
B I dan III
C I dan IV
D III dan IV

- 8 Apakah kepentingan menghormati pendapat orang lain?
- A Mendapat pujian daripada masyarakat
 - B Menambahkan persaingan dengan orang lain
 - C Mendapat penghormatan daripada masyarakat

D Mewujudkan persefahaman antara satu sama lain

9 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan rakan anda yang berketurunan Melayu?

- I Beragama Islam
- II Menyambut perayaan Hari Raya Aidifitri
- III Makan dengan menggunakan penyepit
- IV Pakaian tradisional kaum wanita ialah baju kurung

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

10 Antara berikut yang manakah menggambarkan nilai-nilai permuafakatan?

- I Membantu mengangkat barang jiran yang baru berpindah di sebelah rumah kita
- II Menziarahi jiran yang sakit
- III Bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar
- IV Memarahi anak jiran yang bermain di kawasan rumah kita

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

11 Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri yang berkaitan dengan semangat kekitaan?

- I Tingkah laku individu
- II Nilai-nilai hidup seharian
- III Cara hidup bermasyarakat
- IV Kepentingan diri sendiri

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

12 Antara berikut yang manakah merupakan amalan memupuk perpaduan?

- I Saling memahami
- II Mengutamakan kepentingan masyarakat
- III Mengutamakan kepentingan diri
- IV Bertolak ansur untuk kepentingan bersama

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

13 Objektif utama Program Latihan Khidmat Negara ialah

- I memupuk perpaduan
- II menanam semangat patriotisme
- III membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni
- IV menambahkan jurang antara kaum

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

14 Syarat-syarat permuafakatan meliputi sikap-sikap berikut iaitu

- I ikhlas
- II tanggungjawab
- III individualistik
- IV kerjasama

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

15 Antara berikut yang manakah merupakan fungsi utama Majlis Perpaduan Negara?

- I Membuat dasar perpaduan negara
- II Memupuk semangat muhibah
- III Memulihkan hubungan rapat rakyat dengan kerajaan
- IV Meningkatkan semangat perkauman

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

16 Antara berikut merupakan contoh gejala sosial **kecuali**

- A** gengsterisme
- B** belajar berkumpulan
- C** vandalisme
- D** penyalahgunaan dadah

17 Antara berikut merupakan langkah-langkah meningkatkan kesejahteraan masyarakat **kecuali**

- A** melibat diri dalam RELA
- B** melibatkan diri dalam Persatuan Bulan Sabit Merah
- C** menjadi anggota MERCY
- D** melibatkan diri dalam vandalisme

18 Apakah objektif utama Majlis Keselamatan Negara ditubuhkan?

- I Menggubal dasar keselamatan negara
- II Melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan bencana
- III Menyelaraskan pemantauan dasar-dasar mengenai keselamatan negara
- IV Menyelaraskan tentang dasar pendidikan negara

A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

19 Antara berikut ialah isu-isu yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan masyarakat **kecuali**

- A penculikan
- B peras ugut
- C persefahaman antara kaum
- D ancaman di jalan raya

20 Semangat kekitaan dapat mewujudkan individu yang bersikap

- I muafakat
- II bekerjasama
- III bertanggungjawab
- IV angkuh

A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

21 Pilih pernyataan yang betul.

- I Setiap kaum di Malaysia mempunyai kebudayaan dan kesenian masing-masing
- II Kita harus menghormati warisan kesenian pelbagai kaum
- III Muzik, tarian dan lukisan merupakan antara kesenian kaum di negara ini
- IV Muzik hanya diwarisi oleh kaum Melayu sahaja

A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

22 Antara berikut merupakan permainan tradisional **kecuali**

- A gasing
- B batu seremban
- C tenis
- D sepak raga

23 Antara berikut yang manakah merupakan alat muzik warisan bangsa Cina?

A Geduk C Erh-hu
B Tabla D Tampura

Ditarikan ketika menyambut perayaan Tahun Baru Cina

24 Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A tarian singa
- B tarian dabus
- C tarian ulik mayang
- D tarian zapin

25 Antara berikut yang manakah merupakan tarian tradisional masyarakat Melayu?

- I Tarian zapin
- II Tarian inang
- III Tarian bharatanatyam
- IV Tarian singa

A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

- Terdapat kubah pada binaan ini
- Menerima pengaruh seni bina Islam

26 Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A gereja
- B masjid
- C kuil
- D tokong

Bumbungnya seakan tanduk kerbau

27 Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A rumah tradisional Melaka
- B rumah tradisional Negeri Sembilan
- C rumah panjang
- D rumah teres

28 Tarian sumazau berasal dari negeri

- A Sarawak
- B Sabah
- C Kedah
- D Melaka

29 Alat muzik manakah yang digunakan dalam tarian dabus?

- A Gendang, canang, simbal
- B Rebana, biola, gendang
- C Gong, rebana kecil, rebana besar
- D Rebab, kompang, tabla

30 Antara berikut merupakan alat muzik warisan kesenian suku kaum di Malaysia **kecuali**

- A tampura
- B tabla
- C congkak
- D erh-hu

BAHAGIAN B

1 Lengkapi petak di bawah.

Contoh alat muzik tradisional	→	(a)
	→	(b)
	→	(c)
	→	(d)
	→	(e)

(5 markah)

2 Cari perkataan berkaitan dengan motif pada kain batik dalam petak di bawah berdasarkan perkataan yang diberi.

BUNGA RAYA

AYAM JANTAN

PARANG RUSAK

PUCUK REBUNG

SWASTIKA

A	B	E	W	P	U	C	U	K	R	E	B	U	N	G
P	A	U	B	E	K	N	H	W	M	K	L	P	N	A
H	T	S	N	B	A	Y	A	M	J	A	N	T	A	N
R	T	U	K	G	W	L	P	N	O	R	P	Z	W	N
K	L	H	B	A	A	T	T	Q	S	R	M	N	O	H
N	T	H	R	P	A	R	A	N	G	R	U	S	A	K
S	P	Q	M	T	H	S	A	P	W	R	Y	V	U	Z
S	T	M	P	N	O	G	H	Y	Y	T	U	Z	K	L
H	R	S	W	A	S	T	I	K	A	M	O	P	S	T
L	K	M	T	U	V	Z	W	A	C	D	E	P	G	H

(5 markah)

3 Jawab soalan-soalan di bawah.

(ISIkan TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG DIBERIKAN DIBAWAH)

SEMANGAT

GOTONG –ROYONG

BENCANA ALAM

GOLONGAN MISKIN

MASYARAKAT SETEMPAT

(a) Nyatakan maksud semangat kekitaan.

..... yang ada di dalam diri yang dikaitkan dengan masyarakat tempat individu tinggal

(b) Berikan contoh situasi yang menunjukkan semangat kekitaan dalam masyarakat.

(i) melakukan aktiviti membersihkan kawasan perumahan

(ii) mengutip derma untuk membantu mangsa- mangsa
.....

(iii) membantu.....

(iv) menangani isu-isu.....

(5 MARKAH)

4 Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (×) pada pernyataan yang salah.

(a)	Ibu dan bapa sahaja bertanggungjawab memelihara keharmonian keluarga dan maruah keluarga.	
(b)	Menyambut hari istimewa dalam keluarga dapat mengeratkan hubungan sesama anggota keluarga.	
(c)	Kita mestilah memberi hadiah yang berjenama dan mahal kepada anggota keluarga sempena menyambut hari istimewa mereka walaupun kita tidak berkemampuan.	
(d)	Pendidikan yang sempurna penting kepada anak-anak untuk menjamin masa depan mereka.	
(e)	Keharmonian sesebuah keluarga bergantung kepada hubungan yang baik antara ahli keluarga.	

(5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

Disahkan Oleh:

.....
MOHD AMIN NOR
GURU MATAPELAJARAN
PSK TINGKATAN 2

.....
PN. LILY NATASHA TAY ABDULLAH
KETUA PANITIA
PEND. SIVIK KEWARGANEGARAAN

.....
CIK ROZITA Bt MOHD ARIFF
GURU KANAN
MATAPELAJARAN KEMANUSIAAN